



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 OGOS 2024

NO.	TAJUK BERITAN KHAS	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM CADANG DUA PED PERSEDIAAN MALAYSIA JADI PENERUSI ASEAN, NASIONAL, SH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MESYUARAT KHAS PEGAWAI KANAN MESYUARAT KE-45 MENTERI-MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN ASEAN, SIAKAP KELI -ONLINE	
3.	PNK KUANTAN BAKAL BINA KILANG AIS BERNILAI RM7 JUTA, KUANTAN, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	PEMBALAKAN BUKAN PUNCA PENYUSUTAN EMPANGAN, UTARA, HAKAH -H20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	SEGERAKAN OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI PERLIS, UTARA, HAKAH -H21	
6.	PERUNTUKAN LEBIH RM8 JUTA BAGI PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR DI KELANTAN TAHUN INI, THE SUN -ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KPKM cadang dua PED persediaan Malaysia jadi Pengerusi ASEAN

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mencadangkan dua keutamaan pencapaian ekonomi (PED) sebagai persediaan Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, ia bertujuan untuk mencapai pembangunan dalam sektor pertanian dan perhutanan yang lebih mampan selain mempertingkatkan keselamatan makanan di rantau ASEAN.

Menurutnya, cadangan PED tahun depan adalah tepat pada masanya dan mencerminkan cabaran semasa yang dihadapi oleh ASEAN.

"PED dicadangkan ialah sejajar dengan tema *Growing Together: Advancing ASEAN Agriculture and Forestry Sustainable Development* yang memfokuskan dua bidang utama iaitu pertama pembangunan Pelan Tindakan Keselamatan Makanan (2026-2030), kesinambungan daripada Pelan Tindakan Semasa Keselamatan Makanan



Mesyuarat Pegawai Kanan Khas Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan Ke-45 (SOM-45th AMAF) berlangsung di Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru pada Rabu.

(2021-2025).

"Yang kedua adalah menyentuh pembangunan pertanian dan perhutanan ASEAN yang akan melibatkan senario masa serta memberikan pandangan tentang masa depan makanan, sektor pertanian dan perhutanan," ujarnya.

Terdahulu, Mesyuarat Pegawai Kanan Khas Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN

Mengenai Pertanian dan Perhutanan Ke-45 (SOM-45th AMAF) ke-45 berlangsung pada Rabu di Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru, Malaysia.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali.

Tambah kenyataan itu,

Malaysia berharap kerjasama antara negara ASEAN dapat menangani kesan buruk perubahan iklim dan peningkatan isu keselamatan makanan.

"Selain itu, SOM-AMAF akan bertemu dengan Rakan Dialog ASEAN iaitu negara ASEAN Campur Tiga (China, Jepun dan Korea Selatan), India, Rusia serta lain-lain organisasi antarabangsa.

"SOM-AMAF juga akan berjumpa dengan pihak ketiga seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (GPOPC) dan Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (AS)-ASEAN," tambah kenyataan itu lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2024	SIKAP KELI	ONLINE	

Mesyuarat Khas Pegawai Kanan Mesyuarat Ke-45 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN



Mesyuarat Khas Pegawai Kanan Mesyuarat Ke-45 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN

Mesyuarat Khas Pegawai Kanan (Special SOM) bagi Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-45 (AMAF) telah berlangsung pada 6 Ogos

2024 di Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru, Malaysia.

Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia telah mengambil alih sebagai Pengerusi Mesyuarat Khas SOM-45 AMAF daripada Lao PDR, manakala Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Polisi) menyandang peranan sebagai Ketua Delegasi Malaysia untuk SOM-AMAF.

Sebagai Pengerusi Mesyuarat Khas SOM-45 AMAF, Datuk Lokman memimpin dan mengarahkan perbincangan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN mengenai program, hasil keutamaan, kerjasama sektor dan projek kolaboratif dengan Rakan Dialog ASEAN untuk mencapai matlamat dan pelan tindakan di bawah Kerjasama ASEAN dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan.



Antara bidang penting yang dibincangkan termasuklah promosi pertanian mampan dan kitaran semula, pengurangan bahan kimia berbahaya dalam pertanian, pembakaran tanaman dan pendigitalan pertanian.

Malaysia berharap bahawa dengan kepengerusian ini, [Mesyuarat Khas SOM-45 AMAF](#) akan

memperkukuhkan Kesentralan ASEAN dalam usaha mencapai kawasan yang lebih mampan sambil menangani kesan buruk perubahan iklim dan isu keterjaminan makanan yang semakin meningkat.

Dengan ini, dan sebagai persediaan untuk Kepengerusian ASEAN Malaysia pada tahun 2025, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia telah mencadangkan dua Keutamaan Ekonomi (PED) yang bertujuan untuk mencapai pembangunan mampan dalam sektor [pertanian dan perhutanan](#) serta memperkukuh keterjaminan makanan di rantau ASEAN.



Keutamaan Ekonomi yang dicadangkan di bawah Kepengerusian ASEAN Malaysia tahun hadapan adalah tepat pada masanya dan mencerminkan cabaran semasa yang dihadapi oleh ASEAN. Keutamaan ini adalah sejajar dengan tema "Growing Together: Advancing ASEAN Agriculture and Forestry Sustainable Development", yang merangkumi:

- i. Pembangunan Pandangan untuk Pertanian dan Perhutanan ASEAN yang akan merangkumi senario semasa dan memberikan pandangan masa depan untuk sektor makanan, pertanian dan perhutanan; dan
- ii. Pembangunan Pelan Tindakan mengenai Keterjaminan Makanan (2026-2030) yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Tindakan semasa mengenai Keterjaminan Makanan (2021-2025).



Selain Mesyuarat Khas SOM-45 AMAF, Ketua SOM-AMAF juga dijadualkan untuk bertemu dengan pelbagai Rakan Dialog ASEAN iaitu ASEAN Plus Three (China, Jepun, Korea), India, Persekutuan Rusia serta Organisasi Antarabangsa dan Pihak Ketiga lain seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dan Majlis Perniagaan AS-ASEAN.

8/8/2024

SINAR

KUANTAN

26

HARIAN

PNK Kuantan bakal bina kilang ais bernilai RM7 juta



Muhammad Faiz menandatangani plak Majlis Pecah Tanah Kilang Air Batu PNK Kuantan di Kompleks LKIM, Kemunting pada Rabu.

KUANTAN - Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuantan bakal membina sebuah kilang ais berteknologi baharu bagi menampung keperluan dan permintaan bekalan ais di Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini.

Projek pembinaan kilang dalam kawasan Kompleks LKIM itu melibatkan kos RM7 juta.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, kerja-kerja pembinaan kilang itu dijangka bermula Januari tahun hadapan dan mula beroperasi Julai atau Ogos pada tahun sama.

Menurutnya, kilang itu dijangka mampu mengeluarkan 800 blok atau 100 tan ais dalam satu-satu masa.

"Kilang itu menggunakan

empat mesin ais dengan setiap satunya mampu mengeluarkan 187 blok atau 25 tan ais dan mengambil masa hanya 15 jam untuk menyiapkan satu pusingan pengeluaran.

"Dengan pembinaan kilang ais oleh PNK Kuantan ini, ia dilihat dapat memenuhi permintaan bekalan ais di Kompleks LKIM Kuantan yang mencecah 1600 hingga 1800 blok pengeluaran sehari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pecah Tanah Kilang Air Batu PNK Kuantan dan Penyerahan Bantuan Titik Sentuhan Kepada Nelayan Kawasan Kuantan dan Pekan Tahun 2024 di Kompleks LKIM, Kemunting, di sini pada Rabu.

Turut hadir Pengarah LKIM Pahang, Faizal Puasa, Pengerusi

Persatuan Nelayan Negeri Pahang, Zulkfli Jusoh dan Pengerusi PNK Kuantan, Talib Husin.

Muhammad Faiz berkata, ketika ini bekalan ais bergantung kepada pengeluaran dari kilang sedia ada milik Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) berkapasti 1,000 blok ais sehari.

"Dengan adanya kilang ais baharu ini dijangka dapat menyelesaikan masalah kekurangan ais terutamanya pada musim puncak (September-Disember).

"Seterusnya projek ini juga dilihat mampu meningkatkan serta melancarkan aktiviti perikanan terutamanya aktiviti pembungkusan hasil tangkapan selain mendorong pertumbuhan pendapatan PNK Kuantan," ujarnya.

8/8/2024

HARAKAH

UTARA

H20

Pembalakan bukan punca penyusutan empangan

Oleh SARINA ISMAIL

ALOR SETAR: Penyusutan takungan air Empangan Muda dan Empangan Pedu ketika ini, bukan disebabkan kegiatan pembalakan.

Menyuarakan suara Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, keadaan itu berlaku akibat kemarau panjang, selain air disalurkan secara serentak untuk kegiatan pertanian, domestik dan industri.

"Saya tau ada orang nak salah kerajaan pasal balak, tidak ada pembalakan di 72,000 hektar kawasan Hutantan Simpang Ulu Muda. Di luar itu (kawasan tadahan air) ada keluasan lama yang ditebang ikut kuota Jabatan Perhutanan, iaitu 4,200 hektar setahun.

"Tapi bukan di situ (Ulu Muda) semua, ia di seluruh Kedah. Ia tidak menjelaskan, air menjadi kurang sebab hujan tak turun, minta kepada Allah, jangan salah orang itu orang ini. Harap Allah beri rezeki hujan kepada kita dalam sehari dua ini untuk penuh kembali takungan, bukan untuk kedah saja tapi negeri jiran juga (Pulau Pinang)," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang dan Kembara Jiwa Merdeka dan Kembara Hari Kebangsaan peringkat negeri Kedah di Wisma Darul Aman di sini.



Muhammad Sanusi melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang dan Kembara Jiwa Merdeka di Wisma Darul Aman.

"Kita ada banyak sungai yang membekalkan air kepada empangan seperti Sungai Telang, Sungai Muda, ada banyak anak sungai yang membentuk Sungai Telang.

"Saya tengok masalah air, memang kita hadapi masalah sudah lama, saya buat tinjauan itu sehari sebelum pembenthan awan, hari itu (Ahad) hujan lebat dengan angin, esok pembenthan awan, hujan renyai.

"Sebab itu saya kata ikhtiar, hujan ini hak Allah, Allah akan perintah malakat turun hujan bagi rezeki semua atas kehendak Allah, kita ikhtiar naik pesawat tabur larutan garam, kuasa Allah, tak boleh mengatasi hal itu, serah kembali kepada Allah," katanya.

DA, Operasi Pembenthan Awan (OPA) selama tiga hari berjaya mencatatkan penurunan hujan sebanyak dua milimeter (mm) di kawasan tadahan Empangan Muda.

Muhammad Sanusi berkata, beliau sudah turun untuk membuat tinjauan di Empangan Beris dan Empangan Muda sehari sebelum OPA bagi melihat sendiri aliran air sungai di kawasan berkenaan.

Berdasarkan pemerhatian, katanya arus sungai masih deras walaupun kadar takungan air di empangan menyusut.

Mengikut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), paras air tiga empangan di bawah seliaan MADA semakin menyusut berikutan keadaan cuaca panas sejak beberapa bulan lalu.

Paras air di Empangan Muda terus menyusut dan hanya tinggal lapan peratus manakala Empangan Pedu sebanyak 39.09 peratus dan Empangan Ahning 84.80 peratus dengan purata keseluruhan takungan air bagi ketiga-tiga empangan adalah 43.68 peratus.

Mengikut kenyataan MA-



Paras air Empangan Muda semakin menyusut.

Oleh **NOOR SARA
MASHITOH MOHAMAD
HANIF**

KANGAR: Musim kemarau yang melanda negeri ini menyebabkan seramai 1,221 pesawah di kawasan seluas 2,559 hektar berisiko berdepan kerugian sehingga RM9.8 juta berikutan masalah kekurangan bekalan air.

Ini menyebabkan kerajaan Perlis meminta kerajaan Pusat mempercepatkan operasi pembenihan awan kerana bekalan air untuk kegiatan pertanian terjejas teruk.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, masalah itu sangat serius dan pihaknya telah menghantar permohonan kepada kerajaan Pusat supaya operasi itu dapat dilakukan dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, keadaan bertambah buruk apabila Empangan Timah Tasoh yang berfungsi sebagai takungan bekalan air untuk keperluan domestik dan pertanian, terpaksa menghentikan bekalan untuk aktiviti pertanian selepas paras air menyusut sehingga 26.85 meter.

Katanya, bekalan air untuk tujuan pertanian tidak dapat dibekalkan sehinggalah paras empangan kembali melebihi 27.10 meter.

"Selain mengharap hujan, operasi pembenihan awan perlu segera dilaksanakan bagi membantu penanaman padi di negeri ini, terutama di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang paling terjejas.

"Di kawasan MADA, ketika ini tanaman tidak menghadapi masalah," katanya.

Antara kawasan yang paling terjejas ialah Kampung Semadong, Beseri, yang melibatkan 70 pesawah di kawasan seluas 86 hektar selepas keadaan sawah kering kontang dan tanah mereka.

Segerakan operasi pembenihan awan di Perlis



Keadaan sawah yang kering kontang di Kampung Semadong.



Razali Saad (tengah) melawat Empangan Timah Tasoh.

Razali berkata, padi di kawasan sawah yang telah ditanam seluas 1,821.27 hektar dijangka rosak jika bekalan air masih tiada dalam tempoh dua minggu ini.

Selain itu, katanya kawasan seluas 1,277.33 hektar belum ditanam padi berikutan ketiadaan bekalan air ini.

Masalah bekalan air hanya melibatkan kawasan sawah di luar kawasan MADA yang bergantung kepada hujan dan Empangan Timah Tasoh.

Empangan Timah Tasoh berkeluasan 20 kilometer persegi mempunyai kapasiti menampung air sebanyak 40 juta meter padu dengan kedalaman aras normal sekitar 29.1 meter. Ketika ini, hanya bekalan air untuk kegunaan domestik dapat dibekalkan.

Difahamkan bekalan air untuk kegunaan domestik dan pertanian hanya bertahan selama dua bulan jika tiada hujan di kawasan tadahan Empangan Timah Tasoh.

Sementara itu pesawah dari Kampung Semadong, Che Azli Che Norhoseni, 34, berkata jika bekalan air tidak pulih seperti biasa, kebanyakan padi yang baru berusia sekitar dua bulan mungkin terbantut menyebabkan mereka menanggung kerugian.

Bagi menyelesaikan masalah itu dalam jangka panjang, katanya kerajaan diminta menyediakan telaga tiub di kawasan itu bagi membekalkan air untuk aktiviti pertanian dengan kos seunit telaga tiub difahamkan kira-kira RM200,000.

"Jika tidak, masalah sama akan terus berulang memandangkan pesawah hanya bergantung kepada sumber air hujan dan empangan.

"Kita mula tanam padi pada Jun lalu, namun sekarang sawah kering kontang. Sepatutnya ketika ini, padi sudah bunting. Tidak tahulah bagaimana hasil nanti," katanya.



Bekalan air dari Empangan Timah Tasoh untuk aktiviti pertanian dihentikan.



Paras air Empangan Timah Tasoh menyusut sehingga 26.85 meter.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2024	THE SUN	ONLINE	

Peruntukan lebih RM8 juta bagi pembangunan tanah terbiar di Kelantan tahun ini



Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Nassuruddin Daud - fotoBERNAMA

PASIR MAS: Peruntukan kira-kira RM8.2 juta diluluskan bagi 11 projek pembangunan tanah terbiar untuk tujuan sektor pertanian di Kelantan pada tahun ini.

Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Nassuruddin Daud berkata projek itu adalah kerjasama antara kerajaan negeri bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Beliau berkata berdasarkan rekod dari 2006 hingga 2023, seluas 3,332.92 hektar tanah terbiar dibangun dan diusahakan dengan peruntukan keseluruhan lebih RM26 juta di negeri itu.

Mohd Nassuruddin berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Tani Kelantan 2024 di Dataran Bandar Baharu Pasir Mas di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata petani di Kelantan boleh mempelajari serta mengambil ilmu serta teknologi pertanian dari Thailand dan bukan semata-mata mengimport produk pertanian dari negara jiran berkenaan.